

---

**MEDIA CLIPPING**

<b>Client :</b>	<b>Hock Heng Stone Industries Bhd</b>	<b>Date :</b>	<b>10 February 2010</b>
<b>Media :</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Section :</b>	<b>Business</b>
<b>Language :</b>	<b>Bahasa Melayu</b>		

**“IPO: Hock Heng aims to collect RM8.4 million”**

## **IPO: Hock Heng jangka kumpul RM8.4 juta**

KUALA LUMPUR 9 Feb. – Pengeluar batu dimensi (seperti granit, batu marmar dan batu pasir) Hock Heng Stone Industries Bhd., berharap dapat meraih RM8.4 juta daripada tawaran awam permulaanya (IPO), kata Pengerusi merangkap Pengarah Urusannya, Low Kim Hock.

Syarikat itu yang bakal disenaraikan di Papan Utama pada akhir Mac akan memperuntukkan RM4 juta daripada hasil tersebut untuk perbelanjaan modal dan RM2.12 juta bagi operasi kuari.

“Kira-kira RM800,000 akan digunakan untuk membiayai kilang pemprosesan sekunder merangkap pejabat baharu kami yang bernilai RM5.7 juta di Subang,” katanya sambil menambah bakinya akan dibiayai menerusi dana dalaman dan pinjaman.

Kilang itu dijangka siap pada suku ketiga tahun ini, kata Kim Hock di majlis memeterai perjanjian taja jamin antara Hock Heng dan Public Investment Bank di sini, hari ini.